



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA TERAJUI PENUBUHAN SURUHANJAYA PEKERJA GIG

PUTRAJAYA, 4 MAC 2024 – Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) mendukung pengumuman YAB Perdana Menteri di Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Pekerja Gig.

Rentetan itu, KESUMA akan menerajui sebuah Jawatankuasa Pelbagai Kementerian dan Pemegang Taruh bagi merealisasikan penubuhan Suruhanjaya Pekerja Gig tersebut.

Jawatankuasa akan meneliti terma rujukan penubuhan Suruhanjaya ini melibatkan aspek fungsi, perundangan, kewangan dan keanggotaan Suruhanjaya. Satu laporan interim akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri dalam tempoh masa tiga (3) bulan.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA)
4 MAC 2024**